



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 17 SEPTEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEMENTERIAN PERTANIAN BERI TUMPUAN PADA SEKTOR PADI, RUMINAN, AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MAHA 2024: DARI AKUAKULTUR KE MEGAFUNA, LAMAN AGROFOOD PERIKANAN JANJIKAN TERIKAN HEBAT BUAT ANDA, ASTRO AWANI -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	KEHADIRAN PAUS PETUNJUK EKOSISTEM MARIN MALAYSIA SIHAT – PENYELIDIK, ASTRO AWANI -ONLINE	
4.	NEKMAT SASAR EKSPORT PRODUK ENNA KE LUAR NEGARA, BH -ONLINE	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
5.	NAFAS LAUNCHES URBAN FARMING KIT TO ENCOURAGE GROWING VEGGIE AT HOME, SELANGOR JOURNAL -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
6.	NAFAS INTRODUCES URBAN FARMING KIT, ENCOURAGE HOME VEGETABLE GROWING, BERNAMA -ONLINE	
7.	PAVILION JOHOR SASAR 100,000 PENGUNJUNG, MEDIA DIGITAL JOHOR -ONLINE	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

8 hours ago 1 min read

Kementerian Pertanian beri tumpuan pada sektor padi, ruminan



Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2024) menjadi platform terbaik untuk memperkukuh kerjasama antara pihak Kerajaan, sektor swasta, akademik dan NGO.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pameran itu yang bakal berlangsung sehingga 22 September ini akan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap sektor padi dan beras serta sektor ruminan pedaging.

Dipetik temubual bersama AWANI Pagi sempena MAHA 2024, Mohamad Sabu berkata, pihaknya akan menerima semua pandangan terkait sektor itu supaya bekalan dalam negara dapat dipenuhi.

"Isu keterjaminan dan kecukupan beras ini mesti ditumpukan, saya tidak mahu menyalahkan pemerintah sebelum ini. kita perlu move forward.

We use cookies on our website to see how you interact with it. By accepting, you agree to our use of such cookies.

Settings

Accept



"Menuju ke hadapan KPKM telah mengenal pasti dua negeri lagi yang boleh membantu dalam mengembangkan lagi sektor padi dan beras negara.

"Di antara tempat yang kita nampak untuk kita jadikan jelapang padi kedua adalah Sabah dan Sarawak, begitu juga dengan sektor ruminan iaitu lembu, kambing dan sebagainya yang mana kita di bawah 20% kecukupannya dan kita masih perlu mengimport sebanyak 80%," jelasnya.

MAHA 2024 dianjurkan dengan bajet RM25 juta iaitu terbesar dalam sejarahnya, sekaligus mencerminkan komitmen teguh Kerajaan dalam pembangunan agromakanan negara.

Mohamad dipetik laporan media sebelum ini memaklumkan, bagi tempoh suku pertama 2024, sektor agromakanan telah menyumbang sebanyak 10.9% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

Sumbangan direkodkan melalui tiga sub-sektor meliputi 3.1% sektor pertanian, 2.2% sektor pembuatan, dan 5.6% sektor perkhidmatan dan itu membuktikan bahawa strategi pengurusan bekalan makanan mula membuahkan hasil.

"Namun ia perlu diperkukuhkan demi kestabilan sistem makanan negara," kata Mohamad lagi.

MAHA 2024: Dari akuakultur ke megafauna, Laman Agrofood Perikanan janjikan tarikan hebat buat anda

Amzar Alif
16/09/2024 11:20 MYT



Adnan (dua, kanan) menerangkan konsep Galeri Akuakultur kepada Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Datuk Seri Ahmad Jailani Muhamed Yunus (dua, kiri) yang datang melawat ke Laman Agrofood Perikanan MAHA 2024. - Gambar Jabatan Perikanan

LAMAN Agrofood Perikanan, yang merupakan sebahagian daripada Pameran Pertanian, Hortikultur, dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024, menjadi antara tarikan utama buat pengunjung yang ingin menerokai dunia perikanan dengan lebih dekat.

Berita Terkini



Hidayah jadi tarul
Damian Mikhail



Sultan Pahang tit
tanggungjawab ja
syiar Islam tugas
bersama



Malaysia perlu se
bangunkan TVET,
raih emas di WSC
2026 di Shanghai



Abang Michael
Jackson, Tito
meninggal dunia

Ringkasan AI

- Laman Agrofood Perikanan di MAHA 2024 mempamerkan pelbagai jenis hidupan akuatik dan mengetengahkan kemajuan serta inovasi terkini dalam sektor perikanan.
 - Galeri Akuakultur yang telah diperbaharui, Galeri Samudera dengan aktiviti interaktif, dan Galeri Dunia Santuari Ikan Sungai yang menampilkan spesies ikan air tawar tempatan.
 - Pameran teknologi seperti Integrated Multi Trophic Aquaculture (IMTA), sistem ternakan bioflok, dan inkubator pembenihan ikan untuk memacu industri perikanan ke hadapan.
-

Laman ini bukan sahaja mempamerkan pelbagai jenis hidupan akuatik, tetapi juga mengetengahkan kemajuan dan inovasi terkini dalam sektor perikanan, menjadikannya platform pembelajaran yang sesuai untuk semua peringkat umur.

Anda mungkin berminat pada artikel ini

- NAFAS perkenal Kit Pertanian Bandar, galak lebih ramai tanam sayur di rumah ([https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nafas-perkenal-kit-pertanian-bandar-galak-lebih-ramai-tanam-sayur-di-rumah-487961?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240916%20News-KeyWord-maha 2024](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nafas-perkenal-kit-pertanian-bandar-galak-lebih-ramai-tanam-sayur-di-rumah-487961?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240916%20News-KeyWord-maha%2024))
- MAHA 2024: Rusia buat penampilan pertama, komitmen terhadap piawaian Halal Malaysia ([https://www.astroawani.com/berita-malaysia/maha-2024-rusia-buat-penampilan-pertama-komitmen-terhadap-piawaian-halal-malaysia-487756?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240916%20News-KeyWord-maha 2024](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/maha-2024-rusia-buat-penampilan-pertama-komitmen-terhadap-piawaian-halal-malaysia-487756?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240916%20News-KeyWord-maha%2024))

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussain, Laman Agrofood Perikanan tahun ini telah diperbaharui dengan pelbagai elemen menarik untuk memberikan pengalaman yang lebih interaktif dan mendidik kepada pengunjung.



Perhimpunan di S
Aman acara
kemuncak sambu
Hari Malaysia
Sarawak

Popular di Astro
AWANI
(https://pulse.astroawani.com/berita-popular-chartbeat&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240916%20Emit)

Lagi

(https://pulse.astroawani.com/berita-popular-chartbeat&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240916%20Emit)





*Pengunjung mencuba permainan interaktif yang di sediakan sambil dibantu petugas.
- Gambar Jabatan Perikanan*

"Sempena MAHA 100 tahun, Laman Perikanan juga mengalami perubahan dengan menampilkan program-program yang melibatkan inovasi dalam sektor perikanan, teknologi, dan juga modenisasi.

"Kita juga mengetengahkan aktiviti akuakultur yang ada di Laman Perikanan, termasuk galeri khusus berkaitan tumbuhan akuatik dan juga ikan hiasan," ujarnya.

Salah satu tarikan utama di Laman Agrofood Perikanan ialah Galeri Akuakultur yang telah mengalami transformasi besar daripada galeri ikan hiasan kepada sebuah galeri yang lebih menyeluruh.

Galeri ini mempamerkan pelbagai spesies ikan air tawar dan marin, termasuk ikan hiasan, rumpai laut, serta model pembenihan dan ternakan ikan.

Bagi menarik minat kanak-kanak dan golongan muda, galeri ini turut menyediakan *touch pool marin* yang membolehkan pengunjung

berinteraksi secara langsung dengan hidupan laut seperti Gamat, Belangkas, dan Tapak Sulaiman.

Selain Galeri Akuakultur, Laman Agrofood Perikanan turut memperkenalkan Galeri Samudera, yang menampilkan aktiviti interaktif seperti simulator memancing dan pameran ikan tuna segar.

Pengunjung berpeluang melihat secara langsung ikan tuna bersaiz besar yang dibawa khas dari Labuan dan menikmati demonstrasi *slicing* serta uji rasa tuna oleh cef berpengalaman.

Galeri Dunia Santuari Ikan Sungai pula menawarkan pengalaman menerokai dunia ikan air tawar tempatan dan spesies asing yang ditemui di perairan negara.

Terdapat pelbagai spesies ikan asli seperti Kelah, Temoleh, dan Baung Kelulang serta pameran ikan betta yang kini terancam.

Dalam pada itu, Adnan juga mengalu-alukan kehadiran golongan muda dan belia untuk terlibat dalam aktiviti di Vivarium, yang memperkenalkan cara menghias tumbuhan akuatik dan ikan hiasan kecil dalam balang atau bekas yang minimalis.

"Melalui konsep ini, kita menggalakkan belia untuk menceburkan diri dalam bidang ini dan terlibat dalam perniagaan yang boleh memberikan pulangan yang baik kepada pengusaha-pengusaha yang berminat," tambah beliau.



Galeri Vivarium menawarkan pameran ikan hiasan kecil di dalam balang minimalis yang dihiasi tumbuhan akuatik. - Gambar Jabatan Perikanan

Pengunjung turut berpeluang menyaksikan pameran tulang paus Sei bersaiz mega dan pameran penyu hidup di Pavilion Megafauna selain memancing udang galah di kolam pancing.

Pelbagai teknologi dan inovasi juga dipamerkan di Laman Agrofood Perikanan tahun ini termasuk Integrated Multi Trophic Aquaculture (IMTA), sebuah model ternakan pelbagai spesies yang mengintegrasikan pelbagai spesies organisma akuatik pada tingkat trofik yang berbeza dalam satu kawasan ternakan.

"Tahun ini, kita membawa pelbagai teknologi baharu yang mampu memacu industri perikanan kita ke hadapan. Ini termasuk teknologi sistem ternakan bioflok dan inkubator pembenihan ikan yang dipamerkan untuk pengetahuan umum," jelas Datuk Adnan.

Jadi, jangan lepaskan peluang untuk mengunjungi Laman Agrofood Perikanan di MAHA 2024 dari 11 hingga 22 September ini di MAEPS, Serdang, Selangor.



Cara lain mengikuti berita kami

- Telegram
(<http://bit.ly/37LkRRB>)

astro (https://astro.com.my) x
Dapatkan Baucar Tunai

Apakah bangsa anda?

Melayu Cina
India Etnik Sabah & Sarawak
Lain lain

Masuk | Daftar
(<https://vodus.my/?login>)

VODUS (https://vodus.my)
VPoints: 0 (https://vodus.my) //vodus.my

#MAHA 2024 #Laman Agrofood Perikanan #Datuk Adnan Hussain
#perikanan #akuakultur

Kehadiran paus petunjuk ekosistem marin Malaysia sihat - Penyelidik

Bernama

16/09/2024 09:50 MYT



Tangkap layar penampakan mamalia marin dari spesies Humpback whale atau paus bongkok di perairan Pulau Redang pada Sabtu lepas. - Foto Sinar Harian

KUALA TERENGGANU: Kehadiran paus di perairan negara menjadi indikator penting sekiranya ekosistem marin Malaysia adalah sihat dan mampu menyokong hidupan megafauna itu.

Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan Perikanan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Muhammad Amirul Siddiq Abdul Rashid berkata penampakan mamalia marin terutamanya dari spesies Humpback whale

Berita Terkini



HIBURAN

Hidayah jadi tarul
Damian Mikhail



MALAYSIA

Sultan Pahang tit
tanggungjawab ja
syiar Islam tugas
bersama



MALAYSIA

Malaysia perlu se
bangunkan TVET,
raih emas di WSC
2026 di Shanghai



HIBURAN

Abang Michael
Jackson, Tito
meninggal dunia

atau paus bongkok di perairan Pulau Redang pada Sabtu lepas, membolehkan pihaknya membuat pendokumentasian pola migrasi hidupan laut itu.



Perhimpunan di S
Aman acara
kemuncak sambu
Hari Malaysia
Sarawak

"Kehadiran paus daripada spesies ini jarang berlaku di Malaysia, tidak seperti spesies paus bryde. Jadi, ia memberi peluang untuk penyelidik menjalankan dokumentasi migrasi mereka selain memberi data sokongan tentang kepelbagaian biologi serta habitat yang ada di kawasan tersebut.

Anda mungkin berminat pada artikel ini

- Hari Paus Sedunia: Kelangsungan hidup mamalia laut terancam perlu diberi perhatian (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hari-paus-sedunia-kelangsungan-hidup-mamalia-laut-terancam-perlu-diberi-perhatian-458709?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240916%20News-KeyWord-paus)
- AWANI-RareTV: Menjejak paus, mengail kod Atlantik di Laut Greenland (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/awani-raretv-menjejak-paus-mengail-kod-atlantik-di-laut-greenland-434583?utm_source=news_keyword_widget&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240916%20News-KeyWord-paus)

"Setakat ini, belum dikenal pasti lagi faktor ia muncul di Malaysia. Bagaimanapun, berdasarkan spesies Humpback whale seluruh dunia, ada kemungkinan ia merantau jauh sedikit daripada jarak biasa dari habitat asalnya di perairan dingin seperti Laut Artik atau Laut Antartika," katanya kepada Bernama.

Amirul Siddiq berkata paus berkenaan berdepan beberapa risiko ancaman dari aspek persekitaran lautan Malaysia iaitu berkemungkinan 'tersangkut' di kawasan cetek dan sekiranya itu berlaku, ia berpotensi tidak dapat berenang semula ke lautan dalam dan akhirnya berisiko lemas.

"Pencemaran plastik dan bahan kimia berbahaya juga boleh menjejaskan kesihatan paus serta sumber makanan mereka manakala perubahan suhu air akibat pemanasan global pula boleh mempengaruhi ketersediaan

Popular di Astro
AWANI
(https://pulse.astroawani.com/berita-popular-chartbeat&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240916%20News-KeyWord-paus)

Lagi

(https://pulse.astroawani.com/berita-popular-chartbeat&utm_medium=data-embed&utm_campaign=20240916%20News-KeyWord-paus)



makanan dan pola migrasi paus serta mengubah habitat penting seperti kawasan spesies ini bersosial," katanya.

Mengenai langkah mengatasi risiko dihadapi hidupan itu berpunca daripada komuniti nelayan, beliau berkata DOF telah menyelenggara program pendidikan dan latihan mengenai kepentingan memelihara mamalia marin kepada kumpulan terbabit.

"Antaranya menawarkan sumber dan alat praktikal untuk membantu nelayan mengurangkan kesan aktiviti penangkapan ikan terhadap hidupan laut serta penyediaan garis panduan amalan penangkapan ikan yang bertanggungjawab, mengelakkan tangkapan sampingan dan maklumat titik panas habitat spesies mamalia marin dan haiwan terancam lain," katanya.

Amirul Siddiq berkata meskipun mamalia marin itu tidak membahayakan manusia namun sebarang gangguan boleh menyebabkan reaksi defensif hidupan berkenaan sekali gus menekankan mengenai Seksyen 27 Akta Perikanan 1985 yang melarang sebarang bentuk gangguan terhadap paus.

"Implikasi gangguan untuk haiwan itu adalah potensi tertekan atau kecederaan fizikal. Ada juga spesies yang boleh kembali mengancam keselamatan manusia seperti killer whale, ia akan menjadi agresif sekiranya berasa terancam," katanya.

Sementara itu, Penyelidik Ekologi dan Ekosistem Marin Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof Madya Dr Maizah Mohd Abdullah berkata sebagai universiti yang berfokus marin dan sumber akuatik, UMT sedang membuat persiapan mengukuhkan kerangka ekonomi biru bersesuaian dengan sektor ekonomi maritim Malaysia dalam usaha memastikan kelestarian ekosistem lautan.

"Kita berharap perkara ini akan turut dibincangkan dalam perbincangan meja bulat Ekonomi Biru yang akan berlangsung di Putrajaya melibatkan pemain industri dan pihak berkepentingan termasuk wakil kerajaan tidak lama lagi.

"Kehadiran mamalia marin ini sebenarnya menyuntik semangat kami untuk bekerja keras menyelidik serta mendidik masyarakat berkaitan literasi lautan menerusi kumpulan Marine Endangered Species (MES) yang dianggotai penyelidik dari dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata buat masa ini pihaknya tidak mempunyai bukti mencukupi untuk menyatakan sekiranya perairan Pulau Redang merupakan kawasan laluan paus itu memandangkan penemuan spesies berkenaan berkemungkinan adalah kali pertama.

Justeru, Maizah berkata adalah penting untuk sebarang kemunculan Humpback whale atau mana-mana spesies mamalia marin dilaporkan kepada pihak berkaitan agar pengumpulan data boleh dibuat untuk memerhati sekiranya terdapat perubahan pola migrasi hidupan marin terancam itu.

"Tanpa data lengkap, sukar untuk penyelidik menjangka sama ada kemunculan ini menggambarkan situasi positif atau sebaliknya. Bagaimanapun, diingatkan jika terserempak dengan hidupan ini, sila jarakkan hingga 100 meter seperti garis panduan asas yang diamalkan. Segera matikan enjin bot dan jangan lakukan provokasi atau menjejarnya," katanya.

Maizah berkata haiwan marin bersaiz besar penting untuk ekosistem lautan kerana Humpback whale misalnya mampu menyerap purata 30 tan karbon dioksida (CO₂) dan mengeluarkannya dari atmosfera selama berabad-abad berbanding sebatang pokok yang hanya menyerap hingga 48 paun CO₂ setahun.

-- BERNAMA



Cara lain mengikuti berita kami

- Telegram
(<http://bit.ly/37LkRRB>)

astro (https://vodus.my) Dapatkan Baucar Tunai

Berapakah pendapatan bulanan perseorangan anda?

Kurang daripada RM1,500	RM1,500 - RM3,000
RM3,001 - RM5,000	RM5,001 - RM10,000
Lebih daripada RM10,000	Saya tidak mahu mendedahkan

Masuk | Daftar
(<https://vodus.my/?login>)

VODUS (https://vodus.my)
VPoints: 0 (https://vodus.my) //vodus.my

NEKMAT sasar eksport produk ENNA ke luar negara

September 16, 2024 @ 11:07am



Antara kilang milik Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), - Ihsan lawan web NEKMAT

SERDANG: Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) menyasarkan untuk mengeksport produk jenama ENNA keluarannya ke luar negara menerusi kerjasama dengan beberapa syarikat di Brunei, Indonesia dan Kesatuan Eropah (EU).

Antara produk ENNA yang dipasarkan secara meluas di dalam negara adalah nuget ayam, nuget ikan, jejari ikan serta keropok ikan.

Pengurus Besar NEKMAT, Azrin Shah Ismail berkata persatuan itu berhasrat memanfaatkan penyertaannya di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 untuk meluaskan pasaran produk ke seluruh negara serta ke peringkat antarabangsa.

Pada masa ini, produk ENNA hanya dipasarkan dalam negara, khususnya di Semenanjung Malaysia melalui agen-agen jualan dilantik, pasar mini, pasar raya serta platform dalam talian seperti NEKMATBIZ.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Nelayan menua: 'Kita tak mahu suatu hari nanti sektor perikanan negara dimonopoli warga asing'
- LKIM perkasa komuniti nelayan menerusi projek pemasaran ikan
- Bekalan kurang, harga ikan naik hingga ada cecah lebih 50 peratus
- LKIM salur RM225,000 bantuan 'Touch Point' di Kedah
- 1.2 juta benih udang galah, baung, lampan dilepas ke sungai di Pulau Pinang
- Tukun tiruan 'istana' spesies marin
- Nelayan darat perolehi hasil RM3.4 juta tahun lalu
- Kawal aktiviti perikanan elak sumber marin pupus

"Sejak 11 Sept, 2024, kami telah mendapat permintaan daripada 13 syarikat dalam dan luar negara yang ada jalinan padanan perniagaan dengan NEKMAT.

"Ada yang ingin melihat produk ini serta merancang untuk membawa produk ini ke pasaran negara mereka," katanya kepada Bernama pada acara MAHA yang masuk hari keempat penganjurannya di sini.

Menyentuh MAHA 2024 yang diadakan pada 11 hingga 22 September ini, Azrin berkata NEKMAT menyasarkan jualan sekurang-kurangnya RM100,000 pada acara itu dengan 85 peratus permintaan daripada pasaran tempatan.

Produk ENNA misalnya sebelum ini hanya menyumbang satu peratus kepada pendapatan NEKMAT, namun beliau optimis angka itu dapat ditingkatkan kepada 10 peratus pada tahun depan.

Pada tahun lepas, NEKMAT mencatat pendapatan sebanyak RM800 juta dengan hasil daripada produk ENNA berju

Selain itu, persatuan berkenaan turut menjalankan pelbagai aktiviti seperti membekal minyak diesel bersubsidi kepada pemasaran ikan, pembekalan bahan input sektor perikanan serta pengeluaran dan pemasaran air batu dan produk hasil.

NEKMAT juga kini giat melaksanakan projek baharu pembinaan kolam udang yang peringkat awalnya melibatkan empat kolam di Pekan, Pahang dengan kapasiti penghasilan lapan hingga 10 tan udang bagi setiap kitaran.

"Projek ini dijangka siap pada November dan mula beroperasi pada Februari tahun depan," katanya.

Azrin berkata keuntungan daripada keseluruhan aktiviti ekonomi NEKMAT ini dijangka menyumbang kepada pembayaran dividen sekitar tujuh peratus kepada 13 Persatuan Nelayan Negeri yang juga persatuan.

NEKMAT juga berhasrat menarik minat generasi muda menceburi industri perikanan dengan memperkenalkan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) yang memudahkan pemantauan melalui aplikasi.

"Ini sekali gus diharap dapat mengubah stigma masyarakat bahawa industri perikanan tidak mempunyai masa depan yang cerah.

"Industri ini penting dalam meningkatkan dasar keterjaminan makanan negara selain mengurangkan kebergantungan kepada import makanan serta tenaga kerja asing," katanya. – Bernama



BERITA BERKAITAN





National Farmers' Organisation workers demonstrate how to use an urban farming kit at the Malaysian Agriculture, Horticulture, and Agrotourism Show 2024 at the Malaysian Agro Exposition Park Serdang on September 15, 2024. — Picture by BERNAMA

WORLDWIDE SHIPPING



Nafas launches urban farming kit to encourage growing veggies at home

September 16, 2024 11:29 am

SHARE f t i y d

KAMI SEDIA MEMBANTU ANDA
MAIS menyediakan perkhidmatan bagi menguruskan:



Maklumat lanjut, hubungi 03-8514 3406 sambungan 2175 atau emel: pra@mais.gov.my

f t i y d Majlis Agama Islam Selangor @ mais_officialhq x maisgovmy
www.mais.gov.my



SERDANG, Sept 16 — The One House, One Crop initiative reflects the National Farmers' Organisation's (Nafas) aim to promote urban agriculture through the introduction of the Urban Farming Kit to the public.

Nafas Agri Services Sdn Bhd assistant manager Abdul Khaliq Rahim said the kit aims to simplify the process for urban families to grow vegetables at home.

Priced at RM40, the kit includes all components for home vegetable cultivation, such as plant containers, soil, seeds, and Nafas' 15/15/15 fertiliser.



"We aim to encourage every household to grow at least one plant. Not only is this a sustainable practice, it can also help offset living costs," he explained.

"With this kit, people will find it easy to grow their own vegetables at home, as it contains varieties that are simple to cultivate and maintain."

He said this at the Urban Farming Kit demonstration at the Malaysian Agriculture, Horticulture, and Agrotourism Show (Maha) 2024 here today.

Abdul Khaliq said the kit includes seeds for five types of vegetables: dwarf bok choy, white stem bok choy, green round amaranth, Chinese kale, and looseleaf lettuce.

The kit supports three to four crop cycles, with each cycle taking about a month to mature and be ready for harvest.

During Maha 2024, people can buy the kits at RM35 at Nafas until September 22.

"The kit is also available for purchase at the Nafas headquarters, the Nafas Marketing Shopee page, and through appointed agents," he added.

— Bernama



GENERAL > NEWS

NAFAS Introduces Urban Farming Kit, Encourages Home Vegetable Growing

16/09/2024 11:47 AM



NAFAS introduces urban farming kit

SERDANG, Sept 16 (Bernama) -- The 'Satu Rumah, Satu Tanaman' (One House, One Plant) initiative reflects the National Farmers' Organisation's (NAFAS) aim to promote urban agriculture through the introduction of the Urban Farming Kit to the public.

NAFAS Agri Services Sdn Bhd assistant manager Abdul Khaliq Rahim said that the kit aims to simplify the process for urban families to start growing vegetables at home.

Priced at RM40, the kit includes all necessary components for home vegetable cultivation, such as plant containers, soil, seeds, and 15/15/15 fertiliser produced by NAFAS.



"We aim to encourage every household to have at least one plant. Not only is this a sustainable practice, but it can also help offset living costs," he explained.

"With this kit, people will find it easy to grow their own vegetables at

maintain.”

He said this at the Urban Farming Kit demonstration at the Malaysian Agriculture, Horticulture, and Agrotourism (MAHA) 2024 Exhibition held here today.



Abdul Khaliq explained that the kit includes seeds for five types of vegetables: Dwarf Pak Choy, White Stem Pak Choy, Green Round Amaranth, Chinese Kale, and Looseleaf Lettuce.

The kit supports three to four crop cycles, with each cycle taking approximately one month for the vegetables to mature and be ready for harvest.

During MAHA 2024, the public can purchase the kit at a special price of RM35 at NAFAS until Sept 22.

“The kit is also available for purchase at the NAFAS headquarters, the NAFAS Marketing Shopee website, and through appointed agents,” he added.

In the meantime, for more information about the agency’s involvement in MAHA 2024, the public can follow NAFAS on its official social media platforms: Facebook, Instagram, X, Threads, and TikTok under the handle @nafashq.

-- BERNAMA

The 6th International Sustainable Energy Summit (ISES) ...



BERNAMA provides up-to-date authentic and comprehensive news and information which are disseminated via BERNAMA Wires; www.bernama.com; BERNAMA TV on Astro 502, unifi TV 631 and MYTV 121 channels and BERNAMA Radio on FM93.9 (Klang Valley), FM97.5 (Johor Bahru), FM97.0 (Kota Kinabalu) and FM100.0



Laman Utama » Am » PAVILION JOHOR SASAR 100,000 PENGUNJUNG

PAVILION JOHOR SASAR 100,000 PENGUNJUNG

16 Sep 2024 / Muhammad Imran Mohd Razib



Pavilion Johor pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Tapak Pameran Ekspo Pertanian (MAEPS), Serdang. | Foto ihsan Agro Johor

Kerajaan Negeri menyasarkan lebih 100,000 pengunjung untuk mengunjungi Pavilion Johor pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Tapak Pameran Ekspo Pertanian (MAEPS), Serdang.

Sasaran tersebut disifatkan YB Dato' Zahari Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor sebagai sesuatu yang mampu dicapai berikutan sambutan luar biasa diterima sejak hari pertama Pavilion Johor dibuka pada 11 September lalu.

BERITA TERKINI



MERAIKAN KELAHIRAN JUNJUNGAN MULIA16 Sep

2024 - 3:59 PM



PAVILION JOHOR SASAR 100,000 PENGUNJUN

Sep 2024 - 9:59

AM



LATIHAN KONSISTEN RESEPI KEJAYAAN15

Sep 2024 - 8:59

PM



JOHOR JOHAN KESELURUH MIISMAM

202415 Sep

2024 - 2:59 PM



Sahih . Tepat . Pantas

sekali gus memberi keyakinan kepada Kerajaan Negeri untuk melepasi sasaran 100,000 pengunjung.

Pavilion Johor menampilkan pelbagai pameran daripada sektor pertanian, ternakan, perikanan yang mengetengahkan teknologi pertanian pintar dan baharu digunakan termasuk mekanisasi pengasingan kerang dalam sektor perikanan serta jualan produk pertanian dan makanan negeri ini.

Selain itu, sambutan luar biasa diterima juga mendorong Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sasaran terhadap nilai jualan di Pavilion Johor melebihi RM80,000 berbanding RM71,000 pada penganjuran MAHA tahun 2023.

Terdahulu, YB Dato' Zahari Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor hadir merasmikan Pavilion Johor sempena MAHA 2024, di MAEPS, Serdang pada Ahad.

#BangsaJohor
#MediaDigitalJohor
#SahihTepatPantas
#MajuJohor

Share this entry



JADI TARIKAN SENI DI KLUANG¹⁴

Sep 2024 - 3:59

PM



JDT RACING TEAM TAK SABAR GEGAR LITAR SEPANG

ESOK^{13 Sep}

2024 - 3:59 PM



IMT-GT LETAK JOHOR DI PETA DUNIA^{12 Sep}

2024 - 4:59 PM



PESAWAH SAMBUT BAIK INISIATIF PEMBANGUN PADI

KERAJAAN
JOHOR^{12 Sep}

2024 - 11:29 AM



PENGUKUH